

13 OCT 2003

OIC-Editor

HARAPAN UMMAH M'SIA AKAN TERAJU KEMAJUAN: EDITOR ARAB SAUDI

Oleh: Mohamad Razee Hasan

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Umat Islam sejagat berharap Malaysia sebagai pengerusi baru Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan dapat meneraju kemajuan ummah dengan menggabungkan tamadun Islam dan teknologi moden, kata pengarang terkenal Arab Saudi, Jaseer Abdul Aziz Al-Jaseer.

Katanya Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini dan pemikiran moden serta berwawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "dapat melaksanakan banyak perubahan bagi mempraktikkan fungsi OIC sebagai pelindung negara-negara Islam."

Jaseer, ketua editor hal ehwal antarabangsa akhbar Al-Jazirah yang beribu pejabat di Jeddah, dalam laporannya yang dipetik di sini hari ini menggelai Dr Mahathir sebagai pemikir dunia Islam.

Mesyuarat peringkat menteri Sidang Kemuncak OIC selama dua hari bermula di sini hari ini sebelum mesyuarat ketua-ketua negara dan kerajaan berlangsung pada Khamis dan Jumaat.

Jaseer menyambut baik cadangan Malaysia untuk menyusun semula struktur pertubuhan 57 anggota itu serta struktur Sekretariat OIC di Jeddah.

"Sudah sampai masanya untuk melaksanakan pembaharuan yang tidak pernah dibuat sejak tertubuhnya OIC," kata Jaseer.

Beliau berkata ada lebih 160 resolusi OIC yang terkumpul sejak beberapa siri persidangan tetapi tidak dilaksanakan dan sekadar diulangi dan diubahsuai dalam sidang kemuncak berikutnya.

"Adakah ini teladan terbaik yang telah ditunjukkan oleh OIC?" soal editor itu dalam laporannya.

Katanya pembentangan draf resolusi di kalangan ketua-ketua negara dan perbincangan di kalangan pakar dan menteri luar OIC memang diakui sesuatu yang baik.

Namun, lebih baik jika dilaksanakan mekanisme untuk mempertingkatkan kerjasama di kalangan negara anggota OIC dalam bidang ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan perdagangan, kata Jaseer.

-- BERNAMA

MRH RYN MOZ